



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 28 FEBRUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	KUBIS BERSERANGGA PEROSAK DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -14 MAQIS RAMPAS DUA KONTENA KAYU DARI DENMARK, NEGERI JOHOR/P.PINANG, SH -33	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	RAKYAT KELANTAN MAKAN 30 EKOR LEMBU SEHARI, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -1&3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5. 6.	MARDI'S TWO NEW PADI VARIETIES SET TO BOOST RICE YIELDS, NATION, THE STAR -3 SERI WAJA, KEMBANGSARI VARIETI BAHARU PADI NEGARA, KOMENTAR, SH -27 BENIH PADI, MAFI TERBUKA TERHADAP RUNGUTAN PESAWAH, UM -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	PENANAMAN PADI BERPUSAT DI MELAKA, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -38	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
8. 9. 10.	SACHA INCHI MAMPU JANA PENDAPATAN, NEGARA, KOSMO -12 500,000 BENIH IKAN SEBULAN, XPRESI, METRO AHAD -35 CABAR DIRI BUAT KELAINAN, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



**KUBIS** yang mempunyai serangga perosak dirampas Maqis di Pelabuhan Barat pada Rabu lalu.

## Kubis berserangga perosak dirampas

**KLANG** – Sebanyak 18,000 kilogram (kg) kubis panjang yang diimport dari Vietnam dirampas selepas didapati mempunyai serangga perosak di Pelabuhan Barat di sini pada Rabu lalu.

Rampasan berjumlah RM44,575 itu dilakukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), kira-kira pukul 11 pagi.

Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, kesemua rampasan itu hasil pemeriksaan rutin terhadap kontena di pelabuhan berkenaan.

“Sayuran itu didapati mempunyai serangga perosak jenis *Plutella Xylostella*.

“Semua kubis itu dipercayai

diimport dari Vietnam,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut beliau, kes itu disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

“Perbuatan mengimport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang mempunyai bahan perosak dan berpenyakit merupakan satu kesalahan mengikut akta tersebut,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI JOHOR/P.PINANG	33

## Maqis rampas dua kontena kayu dari Denmark

**BUTTERWORTH** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas sebanyak 5,411 unit kayu spesies white oak kd rough sawn dari Denmark yang didapati cuba dibawa masuk melalui Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada Jumaat.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, kesemua kayu dianggarkan bernilai RM251,845.23 dirampas semasa anggotanya menjalankan pemeriksaan rutin di tapak pemeriksaan kontena NBCT kira-kira jam 2 petang.

Menurutnya, dua buah kontena membawa muatan spesies kayu itu tidak mematuhi syarat permit import yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Maqis.

“Keseluruhan barangan dagangan berkenaan ditahan untuk siasatan lanjut.

“Kegagalan mengimport tanpa mematuhi syarat permit menjadi suatu kesalahan menurut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728),” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Sabtu.

Zarina berkata, jika disabit kesalahan pemilik dagangan berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama enam tahun atau keduanya sekali jika sabit kesalahan.

Dalam pada itu Zarina berkata, pihaknya sentiasa bersedia melakukan tugas di semua pintu masuk negara bagi memastikan komoditi pertanian, ikan dan haiwan yang masuk atau keluar dari negara mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan makanan terjamin.

**Kayu yang diimport dari Denmark dirampas yang Maqis dalam pemeriksaan rutin di tapak pemeriksaan kontena NBCT.**



# Rakyat Kelantan makan 30 ekor lembu sehari

Oleh ZAAIN ZIN  
dan YATIMIN ABDULLAH  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**KOTA BHARU:** Tahukah hampir 1,000 ekor lembu 'ditumbangkan' setiap bulan di Kelantan atau tidak kurang 30 ekor sehari sepanjang tempoh 2019?

Dengan jumlah itu, negeri Cik Siti Wan Kembang jauh meninggalkan negeri-negeri lain yang merekodkan antara 10 hingga 26 ekor lembu disembelih sehari.

Bilangannya juga didapati hampir setara pada setiap bulan, kecuali Mei (Hari Raya Aidilfitri) dan Ogos (Hari Raya Aidiladha) yang menyaksikan peningkatan sehingga lebih 2,100 ekor lembu disembelih.

28/2/2021

MINGGUAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

3

# Rakyat Kelantan makan 30 ekor lembu sehari

## Dari muka 1

Menurut Perangkaan Ternakan 2019/2020 Jabatan Perkhidmatan Veterinar, bilangan lembu pedaging pada 2019 di negeri ini mencecah 85,375 ekor atau 15.6 peratus daripada penternakan lembu pedaging negara bagi tahun itu.

Kelantan muncul sebagai negeri pengeluar lembu pedaging kedua tertinggi di belakng Pahang yang merekodkan 125,176 ekor atau 22 peratus daripada penternakan lembu pedaging negara.

Bagi tempoh dua tahun sebelumnya iaitu 2017 dan 2018, jumlah penternakan lembu pedaging negeri ini dilaporkan tidak jauh berbeza, selain kekal di kedudukan kedua tertinggi.

Dari segi penyembelihan, Kelantan sekali lagi berada di tempat kedua apabila 13,122 ekor lembu disembelih di negeri ini pada 2019.

Selangor mencatatkan jumlah penyembelihan tertinggi iaitu 15,174 ekor lembu, namun rekod bulannya tidak konsisten sebagaimana Kelantan.

Berdasarkan perangkaan, sekitar 600 hingga 800 ekor lembu disembelih di negeri itu setiap bulan atau 20 hingga 26 ekor sehari, sebelum naik mencanak melebihi 4,000 ekor pada Mei dan Ogos.

Pahang sebagai negeri penternakan lembu pedaging terbesar di Malaysia pula jauh ketinggalan apabila sekadar



**ZAKARIA Awang memotong daging lembu sebelum dijual kepada pelanggan di Jalan Pasir Puteh-Kota Bharu berhampiran Kampung Jambu Merah, Melor semalam. - MINGGUAN/YATIMIN ABDULLAH**

## BAKA LEMBU DITERNAK DI KELANTAN:

- Kampung **■** Bilangan ternakan lembu 2019: **85,609** ekor (pedaging **85,375** ekor dan tenusu **234** ekor)
- Kedah Kelantan (K-K)
- Limousine
- Charolais
- Bilangan sembelihan lembu 2019: **13,122** ekor (Aidilfitri **1,815** ekor dan Aidiladha **2,122** ekor)

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

merekodkan penyembelihan 5,313 ekor lembu sepanjang 2019. Dalam pada itu, *Mingguan Malaysia* difahamkan, hampir 100 peratus daripada 13,122

ekor lembu yang disembelih di Kelantan pada tahun tersebut adalah semata-mata untuk memenuhi permintaan dalam negeri.

Jika diambil kira rekod 'luar

biasa' itu maka tidak dapat disangkal, rakyat Kelantan sememangnya juara makan daging lembu tempatan di negara ini.

Sementara itu, tinjauan mendapati dua bulan kebelakangan ini, rakyat Malaysia mula cenderung membeli daging lembu tempatan, biarpun harganya mencecah hampir RM40 sekilogram berbanding daging import RM27 sekilogram.

Rasa was-was terhadap status halal produk dari luar negara, susulan terbongkarnya kegiatan kartel daging import awal Disember 2020 mengpegarui pembelian daging tempatan.

Zakaria Awang, 69, yang membuka gerai di Jalan Pasir Puteh-Kota Bharu di sini berkata, permintaan terhadap daging tempatan stabil tanpa mengira musim dan hanya meningkat mendadak ketika sambutan Aidilfitri dan Aidiladha.

Bagaimanapun, katanya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKPB Bersyarat (PKPB) kali ini menyebabkan ramai pelanggan setianya 'hilang' gara-gara tidak dibenarkan merentas daerah.

"Tetapi saya bersyukur jualah daging lembu saya masih habis. Secara purata, saya membeli dua ekor lembu baka limousine yang ditemak sendiri setiap hari dan menambal seekor lagi pada hujung minggu," katanya kepada *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

## Mardi's two new padi varieties set to boost rice yields

By IMRAN HILMY  
imran@thestar.com.my

**KEPALA BATAS:** Two new varieties of padi developed by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) are set to hike Malaysia's rice yields.

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald

Kiandee said the two new varieties, MR315 and MRQ104, took 10 to 12 years to develop by Mardi researchers at a cost of RM5mil each.

"These varieties are more disease resistant, tolerant of weather changes and the soil conditions of our country," he said after introducing the varieties at the Mardi Centre of Excellence for Research and

Innovation in Padi here yesterday. Kiandee named the MR315 as Seri Waja and MRQ104 as Kembang Sari at the ceremony where he also visited the rice gene bank.

The new varieties will be made available to farmers in the next planting season by the middle of the year.

Coupled with the variable rate

technology (VRT) method for padi farming, Kiandee said these new varieties will encourage large-scale commercial operations in group plantations or estates.

The VRT method of seed sowing and fertilisation will improve crop growth, reduce use of fertiliser by between 15% and 25%, and be more environment-friendly, he said.

## Seri Waja, Kembanghari varieti baharu padi negara

**KEPALA BATAS** - Seri Waja dan Kembanghari dipilih sebagai nama varieti baharu padi yang dihasilkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Khandee berkata, Seri Waja atau varieti padi MR 315 dan Kembanghari mewakili varieti padi MRQ 104 yang dihasilkan adalah strategi MARDI dalam menyediakan varieti padi berimpak tinggi.

Menurutnya, dua varieti itu dihasilkan selepas proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) lebih 10 tahun oleh pakar yang akan memberi manfaat kepada petani dari segi pendapatan, selain membantu meningkatkan pengeluaran beras dalam negara.

"MR 315 diperkenalkan untuk kepelbagaian genetik padi dan pada masa yang sama memberi lebih pilihan kepada petani serta mengurangkan amalan penanaman varieti tunggal (*monocrop*) di jelang.

"Ciri-ciri menarik varieti ini termasuklah mempunyai daun pengasuh

tegak dan pendek serta dikategorikan sebagai matang awal iaitu sekitar 105 hingga 109 hari," katanya pada sidang akhbar khas di Pusat Kecemerlangan Penyelidikan & Inovasi Padi (COE rice@MARDI) MARDI Seberang Perai di sini pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, varieti MR 315 juga rintang kepada penyakit karah tangkai dan sedertana rintang terhadap penyakit karah daun serta hawar seludang.

Menurutnya, melalui ujian yang dijalankan, ia telah menghasilkan kadar pulangan tinggi iaitu sembilan tan/hektar seperti di Pantai Karuloon dan di IADA Pulau Pinang.

"Bagi varieti padi MRQ 104, ia dihasilkan bertujuan untuk membuka pasaran beras wangi tempatan yang lebih luas.

"Ketika ini sebanyak 30 peratus daripada 200,000 tan beras yang diimport adalah beras wangi dan MRQ 104 mempunyai kadar matang antara 115 hingga 122 hari dan menunjukkan prestasi hasil sekitar empat hingga lima tan/hektar.

"Melalui kajian yang dihasilkan, MRQ 104 didapati rintang terhadap pe-



Dr Ronald (tiga dari kanan) memperkenalkan nama baharu dua varieti padi negara iaitu Seri Waja dan Kembanghari di Pusat Kecemerlangan Penyelidikan & Inovasi Padi MARDI Seberang Perai.

nyakit karah daun dan karah tangkai. Ia juga sedertana rentan bagi penyakit dan perosak lain seperti hawar daun bakteria, hawar seludang, benah perang serta penyakit merah virus (PMV)," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ronald berkata, teknologi pertanian tepat yang dihasilkan MARDI juga turut memban-

tu pengeluaran padi tempatan agar terus mencapai tahap yang lebih optimum.

Selain itu, katanya, ia diyakini dapat menggalakkan operasi komersial, berskala besar sama ada dalam bentuk sistem perladangan berkelompok atau aset.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Benih padi, MAFI terbuka terhadap rungutan pesawah



RONALD Kiandee (tengah) , Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras MARDI, Dr. Asfaliza Ramli (kanan) memeriksa padi yang di tanam oleh pihak MARDI semasa tinjauan yang yang dilakukan di MARDI Kepala Batas hari ini. UTUSAN/ MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN

KEPALA BATAS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa terbuka terhadap sebarang rungutan atau teguran khususnya daripada kalangan pesawah berkaitan pengedaran serta penjualan benih padi.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, langkah penambahbaikan juga akan dibuat dari semasa ke semasa demi manfaat para pesawah pada ketika ini.

"Sebenarnya, ini adalah pengalaman baharu buat Nafas (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) apabila dilantik sebagai

pengedar tunggal benih padi kepada pesawah.

"Apapun, semua tindakan penambahbaikan yang kita buat ini adalah demi kebaikan pesawah semata-mata," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas melancarkan dua varieti baharu padi keluaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) iaitu MR315 dan MRQ104 di pejabat MARDI Seberang Perai, di sini hari ini.

Difahamkan, varieti pertama iaitu MR315 atau diberi nama Seri Waja itu diperkenalkan untuk memberi kepelbagaian kepada genetik padi selain menawarkan lebih pilihan kepada pesawah.

Sementara itu, varieti MRQ 104 atau Kembangari pula dihasilkan untuk membuka pasaran beras wangi tempatan secara lebih meluas.

Menurut Ronald, kedua-dua varieti itu dihasilkan selepas satu kajian selama lebih 10 tahun dijalankan bagi memastikan padi tersebut tahan penyakit selain sesuai dengan tanah dan iklim tempatan.

"Kita jangkakan dengan adanya varieti baharu ini, tabung makanan negara ketika ini dapat ditingkatkan.

"Pada masa sama, pengenalan varieti ini juga diharap dapat memberikan hasil yang lebih tinggi juga iaitu sehingga sembilan metrik tan per hektar untuk tanaman padi," ujar beliau. -UTUSAN ONLINE



## Penanaman padi berpusat di Melaka

**JASIN:** Satu Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) akan diwujudkan di Melaka, khusus untuk tanaman padi memandangkan negeri ini dilihat mempunyai potensi besar untuk menjadi hab pengeluaran beras di selatan Semenanjung.

Bagi memastikan kelangsungan jaminan makanan rui rakyat Malaysia, langkah itu juga merupakan salah satu daripada perancangan kerajaan dalam meningkatkan jumlah pengeluaran beras tempatan kepada sekurang-kurangnya 75 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pihaknya sudah mengenal pasti kawasan-kawasan penanaman padi sedia ada di negeri yang berpotensi besar mengeluarkan hasil lebih tinggi sekiranya kaedah berpusat diperkenal.

"Pada ketika ini pengeluaran tempatan hanya 70 peratus sahaja. Maknanya 30 peratus masih bergantung kepada import dari luar.

"Kita bercadang supaya Melaka diwujudkan satu lagi IADA. Kalau dapat merealisasikan hasrat ini, kerajaan yakin semua kawasan-kawasan penanaman padi dalam negeri ini akan terus berpusat dan dapat diberikan perhatian apabila IADA diwujudkan nanti.

"Bukan sahaja dapat menjalankan usaha penanaman padi secara berpusat, bahkan

ada pelbagai mekanisme dan kita yakin ianya dapat meningkatkan pengeluaran padi," katanya selepas Majlis Penyerahan Insentif Teknologi Penjana di Merlimau di sini hari ini.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, Melaka berpotensi menjadi negeri jelapang padi kedua negara selepas Kedah jika infrastruktur pengairan sawah di negeri ini diberikan perhatian sewajarnya.

Meskipun tanaman padi hanya diusahakan di tiga daerah iaitu Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin, namun Melaka Tengah memiliki kawasan penanaman terbesar bagi zon selatan dengan keluasan sawah kira-kira 1,500 hektar.

Dalam pada itu, bercakap mengenai Insentif Teknologi Penjana, Ahmad memaklumkan, ia diperkenalkan kerajaan untuk menangani isu kekurangan tanah pertanian yang mana kini rakyat berupaya untuk menceburkan diri dalam sektor berkenaan hanya dengan menggunakan ruang sedia ada.

Jelasnya, melalui penanaman sayur-sayuran menggunakan teknologi pertanian bandar mengikut keadaan sesuatu tempat atau komuniti, ia dapat membantu penjimatan sebanyak RM110 sebulan perbelanjaan dapur sesebuah isi rumah.

"Bagi fasa kedua 2021, Jabatan Pertanian diperuntukkan sebanyak RM21.18 juta yang akan memberikan manfaat kepada 27,524 individu dan 1,046 komuniti seluruh negara," katanya.

Pokok kacang gunung dapat permintaan tinggi di Brunei, China

# Sacha inchi mampu jana pendapatan

Oleh TOREK SULONG

**PASIR PUTEH** - Tanaman sachcha inchi atau lebih dikenali sebagai pokok kacang gunung yang boleh menghasilkan ekstrak dan minyak untuk masakan, kosmetik serta perubahan berpotensi untuk dipasarkan ke luar negara terutamanya Brunei dan China.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Saripudin Tuan Ismail berkata, sehubungan dengan itu, kerajaan negeri akan membantu individu dan koperasi yang berminat untuk mengusahakan tanaman tersebut.

Katanya, hal ini kerana, kuantiti hasil tuaian pokok sedia itu masih gagal menampung permintaan untuk dieksport ke kedua-dua negara itu.

"Tanaman sachcha inchi perlu diterokai oleh petani di negeri ini menerusi koperasi atau pertubuhan peladang untuk pelaksanaan projek penanaman berkelompok dan produk."

"Kerajaan negeri menerusi skim bantuan tanaman herba sedia membantu dari aspek penyediaan benih dan input pertanian selain memberi galakan kepada




**TUAN SARIPUDIN (kiri)** menyerahkan anak pokok kacang gunung kepada salah seorang peserta di Jeram Mengaji, Pasir Putih semalam.

rakyat menebus guna tanah yang terfahar," katanya.

Peliau berkata demikian selepas merasmikan penyerahan ngaji di sini semalam.

anak pokok sachcha inchi oleh Koperasi Gabungan Usahawan Kelantan Berhad di Jeram Mengaji di sini semalam.



SACHCHA INCHI mendapat permintaan tinggi di Brunei dan China.

Pokok sachcha inchi atau nama saintifiknya 'Plukenetia volubilis' turut memiliki kandungan Vitamin A dan E merupakan bahan utama penghasilan serbuk teh, kopi, minuman berkhasiat selain penghasilan sabun serta kosmetik.

Pasaran semasa tanaman itu dijual pada harga RM6 sekilogram, manakala anak benihnya mencecah RM15 untuk setiap pokok.

Mengulas lanjut, Tuan Saripudin berkata, tanaman itu mampu hidup selama 15 hingga 20 tahun

dan telah diusahakan di kawasan seluas 6.4 hektar seluruh Kelantan kerana sesuai ditanam dalam keadaan cuaca lembab sepanjang tahun.

Katanya, tanaman itu banyak ditanam secara komersial di Gua Musang oleh Koperasi Gabungan Usahawan Kelantan.

"Koperasi itu akan mengusahakan kira-kira 32 hektar lagi di Jeli pada pertengahan tahun ini selain beberapa usahawan di Kampong Seligi di sini di kawasan bukit seluas empat hektar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2021	METRO AHAD	XPRESI	37



MEMBEER: makan poles kepada ikan keli.

# 500,000 BENIH IKAN SEBULAN

Nurul Farhana jadi penternak ikan keli, tilapia dengan mengusahakan 67 kolam bersama suami, rakan kongsi

**AGRO**

Oleh Muhamaad Razis Ismail  
razis@hmetro.com.my

Bidang penternakan ikan air tawar biasanya didominasi golongan lelaki.

Bagaimanapun Nurul Farhana Ismail, 35, berjaya memecah stigma itu dengan terlibat secara serius dalam bidang itu

sejak empat tahun lalu.

Dia sanggup melepaskan jawatan sebagai penjawat awam untuk fokus kepada syarikat pengeluar benih ikan air tawar, Aquaculture Resource Centre (ARC) yang diusahakan dengan suami dan seorang rakan kongsi.

Nurul Farhana berkata, perniagaan itu pada

mulanya diusahakan suaminya, Mohd Hafiz Nordin, 36, di Sungai Buloh, sejak 2007.

"Melihat perniagaan yang semakin berkembang, saya buat keputusan untuk bantu suami selepas melihat potensi besar dalam bidang ini.

"Biarpun sibuk menguruskan syarikat, saya turut perlu turun



PROSES pengedaran ikan untuk dapatkan saiz pasaran.



MELAYAN pelanggan yang datang mendapatkan bekalan ikan.



KOLAM ternakan ikan air tawar di Sungai Buloh.

ke kolam membantu pekerja lain menguruskan tempahan pelanggan.

"Alhamdulillah kini kami memiliki tiga kawasan ternakan ikan keli dan tilapia iaitu di 67 kolam di Sungai Buloh,

Rawang dan Hulu Langat, Selangor.

"Kini setiap bulan kami mampu menghasilkan 500,000 benih ikan dan 1,500 kilogram ikan hidup" katanya ketika ditemui baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2021	METRO AHAD	XPRESI	36

# CABAR DIRI BUAT KELAINAN

Fokus pengeluaran benih ikan air tawar selepas dapati bekalan sentiasa tidak cukup

DARI MUKA 35

Menurutnya, idea untuk fokus dalam pengeluaran benih ikan air tawar ini tercetus apabila melihat bekalan yang sentiasa tidak mencukupi.

"Biarpun pada ketika masih belum ramai bumiputera terbabit, suami sanggup mencabar diri untuk membuat kelainan.

"Permintaan sentiasa ada terutamanya dalam kalangan penternak dan peniaga, malah kadangkala tidak cukup untuk memenuhi permintaan pelanggan," katanya.

Selain itu, pihaknya turut menyediakan ikan-ikan pasar, ikan sudah siap disiang dan ikan sejuk beku.

Mengulas lanjut, untuk memastikan kualiti benih dan ikan, pihaknya sentiasa memastikan kebersihan air untuk mengelakkan penyakit ikan.

"Kami juga menggunakan tumbuhan air duckweed untuk merawat air dan menjadi agen penyerap amonia yang tinggi.

"Selain itu, kami gunakan tumbuhan yang mempunyai kadar protein tinggi ini sebagai makanan ikan sekali gus dapat menjimatkan kos palet," katanya.

Sementara itu, pemilik bersama, Hazarul Hafzam Mohamed Zaki, 36, berkata, pihaknya sentiasa mengutamakan kualiti benih gred A yang dihasilkan di sini.

"Proses bermula dengan pemilihan induk betina dan jantan berusia 18 bulan ke atas untuk menjalani proses pembenihan aruhan.

"Induk jantan akan dibedah bagi mengeluarkan sperma sebelum ia dicampurkan dengan telur induk betina.


"Bagi induk betina ia akan disuntik dengan



**Permintaan sentiasa ada terutama dalam kalangan penternak dan peniaga, malah kadangkala tidak cukup untuk memenuhi permintaan pelanggan**

**NURUL FARHANA**

hormon jenis dom untuk mempercepatkan induk betina mengeluarkan telur dengan banyak," katanya. Kemudian, sperma induk jantan akan dipotong sebelum diracik



TANAMAN air, duckweed dapat membersihkan kolam dan menjadi makanan ikan.

untuk dicampur dengan telur induk betina untuk proses persenyawaan.

"Telur itu dimasukkan ke dalam kolam penetasan dan akan menetas 20 hingga 25 jam.

"Selepas itu, kita lepaskan ke kolam tanah selama 14 hari untuk aruhan sehingga saiznya menjadi 1 inci setengah dan 2 inci. Kemudian kita akan tuai dan bawa ke tangki kuarantin," katanya.

Proses yang dijalankan ini memberi ketahanan kepada benih ikan sebelum diserahkan kepada pelanggan.

"Proses ini tidak mudah dilakukan dan memerlukan kepakaran untuk memperoleh benih berkualiti," katanya.



PROSES pembenihan aruhan.



BENIH ikan tilapia.



BENIH ikan keli berkualiti.



BERSAMA rakan kongsi, Hazarul Hafzam.

